

# Kerajaan perlu percepat laksana PSP

Bagi persediaan kerajaan hadapi ketidakpastian ekonomi negara kesan krisis Iran dan AS

Oleh **KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN**

**SHAH ALAM**

**K**erajaan perlu mempercepat laksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) yang tertangguh sebelum ini bagi mendepani jangkaan ketidakpastian ekonomi negara dalam masa terdekat.

Penganalisis Ekonomi daripada Putra Business School (PBS), Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, susulan isu ketegangan membabitkan negara Iran-Amerika Syarikat (AS) semakin memuncak, kenaikan mendadak harga minyak mentah Brent sebenarnya tidak memberi berita baik kepada negara.

Menurutnya, dengan kenaikan harga minyak mentah Brent dijangka mencapai AS\$70 (RM287.29) setong pada bila-bila masa, kerajaan sebenarnya terpaksa menanggung kos subsidi bahan api yang sangat tinggi.

"Jangka masa pendek, memang kenaikan harga minyak dunia akan menambahkan pendapatan negara tetapi untuk jangka masa panjang, implikasi negatif terhadap ekonomi negara sebenarnya sangat besar.

"Jika ketegangan AS-Iran di Timur Tengah berterusan, syarikat cari gali minyak negara, Petronas yang memiliki banyak prospek pelaburan di kawasan itu akan terancam seterusnya terjejas pendapatan.

"Program PSP ditangguhkan kerajaan sebelum ini perlu dilaksanakan segera supaya kesan negatif

akibat kenaikan harga minyak dunia tidak begitu mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Semalam, harga minyak dunia dilaporkan melonjak susulan serangan peluru berpandu ke atas dua pangkalan yang menempatkan tentera AS di Iraq.

Minyak mentah Brent dilaporkan meningkat 2.5 peratus pada AS\$69.94 (RM287.04) setong pada perdagangan Asia tengah hari semalam susulan kebimbangan konflik memuncak antara AS dan Iran akan menjejaskan bekalan minyak dari Asia Barat.

Ahmed Razman berkata, pelaksanaan segera PSP sebenarnya tidak perlu dibimbangi oleh golongan masyarakat yang tidak menerimanya.

"Sebenarnya bagi pelaksanaan PSP, golongan selain B40 dan sebahagian M40 masih menerima bantuan subsidi cuma ia akan dikurangkan secara berperingkat.

"Apabila kerajaan tidak perlu menanggung subsidi minyak begitu



**BAAYAH**

**AHMED RAZMAN**

tinggi, keuntungan negara akibat kenaikan harga minyak dunia akan memastikan kadar kenaikan harga minyak runcit sangat terkawal dengan tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi domestik," katanya.

Sementara itu, penganalisis ekonomi bebas, Dr Baayah Baba menegaskan kerajaan perlu mula berbelanja secara berhemah bagi menghadapi ketidakpastian ekonomi dunia disebabkan konflik Iran-AS.

Menurutnya, kesan konflik ketegangan dua negara itu sebenarnya lebih banyak memberi kesan negatif kepada ekonomi Malaysia meskipun harga minyak dunia akan naik mendadak.

"Sebagai contoh, kesan konflik Iran-AS akan mengganggu gugat hubungan perdagangan Malaysia dengan negara lain yang mempunyai kepentingan dengan kedua-dua negara berkenaan.

"Selain itu, kos pengimportan barangan perdagangan dengan negara lain juga akan semakin meningkat susulan kenaikan kos logistik disebabkan kenaikan harga minyak dunia," katanya.

Baayah berkata, beliau turut menjangkakan harga minyak Brent mampu mencapai kenaikan sehingga AS\$100 (RM410.41) dalam tempoh enam bulan ke hadapan sekiranya krisis ketegangan AS-Iran berterusan memuncak.

## STATISTIK HARGA MINYAK DUNIA SEPANJANG 10 TAHUN LALU

Tahun	Purata harga minyak tahunan
2020	AS\$62.50 (RM256.51)
2019	AS\$64.90 (RM266.36)
2017	AS\$50.84 (RM208.65)
2016	AS\$43.58 (RM178.86)
2015	AS\$48.72 (RM199.95)
2014	AS\$93.17 (RM382.38)
2013	AS\$97.98 (RM402.12)
2012	AS\$94.05 (RM385.99)
2011	AS\$94.88 (RM389.40)
2010	AS\$79.48 (RM326.19)